



9 Januari 2012
9 January 2012
P.U. (A) 7

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (PINJAMAN DAN PEMINJAMAN SEKURITI) 2012

CAPITAL MARKETS AND SERVICES (SECURITIES BORROWING AND LENDING) REGULATIONS 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

**PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN
(PINJAMAN DAN PEMINJAMAN SEKURITI) 2012**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 378(1) dan perenggan 98(4)(e) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pinjaman dan Peminjaman Sekuriti) 2012.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 9 Januari 2012.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;

“pemberi pinjam” ertinya seseorang yang memberi pinjam sekuriti kepada peminjam di bawah transaksi pinjaman dan peminjaman sekuriti;

“peminjam” ertinya seseorang yang meminjam sekuriti daripada pemberi pinjam di bawah transaksi pinjaman dan peminjaman sekuriti;

“sekuriti diberi pinjam” ertinya mana-mana sekuriti yang layak yang telah dihantar serah oleh pemberi pinjam kepada peminjam di bawah suatu transaksi pinjaman dan peminjaman sekuriti;

“sekuriti yang layak” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam kaedah-kaedah pusat penjelasan;

“transaksi pinjaman dan peminjaman sekuriti” ertinya mana-mana transaksi pinjaman dan peminjaman sekuriti yang telah dibuat di bawah kaedah-kaedah bursa saham dan pusat penjelasan.

Jualan sebelum pemanggilan semula sekuriti diberi pinjam

3. (1) Bagi maksud subseksyen 98(1) Akta, seseorang pemberi pinjam yang menjual sekuriti diberi pinjam di bawah transaksi pinjaman dan peminjaman sekuriti sebelum memanggil semula sekuriti diberi pinjam itu hendaklah disifatkan mempunyai pada masa itu suatu hak yang boleh digunakan dan tanpa syarat untuk meletak hak sekuriti itu pada pembeli sekuriti itu, tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

- (a) jualan tersebut adalah suatu transaksi penjualan *bona fide*;
- (b) pada masa jualan, pemberi pinjam berhak untuk memanggil semula daripada peminjam, sekurang-kurangnya bilangan sekuriti yang diberi pinjam yang adalah hal perkara jualan tersebut;
- (c) pemberi pinjam memanggil semula sekuriti diberi pinjam secepat yang dapat dilaksanakan pada hari pasaran yang sama sekuriti diberi pinjam tersebut di jual; dan
- (d) jualan sekuriti diberi pinjam diselesaikan pada tarikh penyelesaian yang ditetapkan oleh bursa saham atau pusat penjelasan.

(2) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam peraturan ini, perenggan 3(1)(d) tidaklah terpakai kepada pemberi pinjam sekiranya peminjam gagal untuk menghantar serah sekuriti diberi pinjam kepada pemberi pinjam dalam keadaan jika—

- (a) sekuriti telah digantung;